



**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA (MPSM)  
CAWANGAN KELANTAN**

---

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM  
2015**

---

**BAHASA MELAYU  
KERTAS 1 & 2**

---

***UNTUK KEGUNAAN PEMERIKSA SAHAJA***

**SKEMA  
PEMARKAHAN**

---

[ Lihat Sebelah

**BAHAGIAN A**  
**Karangan Berdasarkan Bahan Rangsangan**  
**[30 markah]**

**KRITERIA PENSKORAN**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	<b>26 – 30</b> [28 – 30] [26 – 27]	<ul style="list-style-type: none"><li>Karangan <b>menepati</b> tema bahan rangsangan.</li><li>Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata luas dan <b>tepat</b>.</li><li>Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi dan menggunakan <b>ungkapan yang menarik</b>.</li><li>Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan <b>jelas</b> dan <b>matang</b>.</li></ul>
Kepujian	<b>20 – 25</b> [23 – 25] [20 – 22]	<ul style="list-style-type: none"><li>Karangan <b>menepati</b> tema bahan rangsangan.</li><li>Bahasa gramatis dari segi kata dan ayat. Tanda baca betul dan tepat. Ejaan mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata <b>luas</b>.</li><li>Wacananya lengkap. Unsur bahasa yang digunakan bervariasi.</li><li>Idea relevan dengan tema bahan rangsangan dan diuraikan dengan <b>jelas</b>.</li></ul>
Memuaskan	<b>15 – 19</b> [17 – 19] [15 – 16]	<ul style="list-style-type: none"><li>Karangan <b>masih</b> menepati tema bahan rangsangan.</li><li>Bahasa <b>masih</b> gramatis dari segi kata dan ayat. Penggunaan tanda baca <b>masih</b> betul dan tepat. Ejaan <b>masih</b> mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu. Penggunaan kosa kata umum.</li><li>Wacananya <b>masih</b> lengkap. Unsur bahasa <b>masih</b> bervariasi.</li><li>Idea <b>masih</b> relevan dengan tema bahan rangsangan. Huraian idea <b>masih</b> jelas.</li></ul>

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Kurang memuaskan	<b>10 – 14</b> [12 – 14]  [10 – 11]	<ul style="list-style-type: none"><li>• Karangan <b>kurang</b> menepati tema bahan rangsangan.</li><li>• Bahasa <b>kurang</b> gramatis dari segi kata dan ayat. <b>Kesalahan-kesalahan tatabahasa ketara.</b> Ejaan masih mengikut Sistem Ejaan Rumi Baharu tetapi terdapat <b>kesalahan ejaan yang ketara.</b> Penggunaan kosa kata terhad.</li><li>• Wacana <b>kurang</b> lengkap. Unsur bahasa <b>kurang</b> bervariasi.</li><li>• Idea <b>kurang</b> relevan dengan tema bahan rangsangan dan huraiannya <b>kurang</b> jelas.</li></ul>
Pencapaian minimum	<b>01 – 09</b> [06 – 09]  [01 – 05]	<ul style="list-style-type: none"><li>• Calon <b>tidak</b> menunjukkan penguasaan kemahiran menulis.</li><li>• Banyak kesalahan bahasa dari segi kata dan ayat.</li><li>• Idea <b>tidak</b> menepati tema bahan rangsangan.</li></ul>

Ungkapan menarik :

*Peribahasa, pantun, cogan kata, frasa menarik, petikan ucapan, kata-kata hikmat, petikan hadis, maksud ayat Al-Quran dan lain-lain.*

**BAHAGIAN B**  
**Karangan Respons Terbuka**  
**[100 markah]**

**KRITERIA PENSKORAN**

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Cemerlang	<b>80 – 100</b> (90 – 100) (80 – 89)	<ul style="list-style-type: none"><li>Idea yang <b>relevan</b> mengikut tugasan, dihuraikan dengan jelas dan matang, disertakan dengan contoh yang sesuai.</li><li>Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang luas dan tepat.</li><li>Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat.</li><li><b>Ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang betul.</li><li>Penggunaan <b>pelbagai ayat</b> yang gramatis.</li><li><b>Laras bahasa</b> sesuai dengan tugasan.</li><li>Penggunaan <b>unsur bahasa bervariasi</b>.</li><li><b>Gaya bahasa</b> menarik dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li><li><b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai.</li><li><b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li></ul>
Kepujian	<b>66 – 79</b> (73 – 79) (66 – 72)	<ul style="list-style-type: none"><li><b>Idea yang relevan</b> mengikut tugasan, dihuraikan dengan jelas, disertakan dengan contoh yang sesuai.</li><li>Penggunaan <b>pelbagai jenis kata</b> yang tepat.</li><li>Penggunaan <b>kosa kata</b> luas dan tepat.</li><li><b>Ejaan</b> dan tanda baca betul.</li><li>Penggunaan <b>pelbagai ayat</b> yang gramatis tetapi terdapat kesalahan yang minimum.</li><li><b>Laras bahasa</b> sesuai dengan tugasan.</li><li>Penggunaan <b>unsur bahasa masih bervariasi</b>.</li><li><b>Gaya bahasa masih menarik</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan seperti peribahasa, pantun, cogan kata atau frasa.</li><li><b>Pengolahan</b> menarik dan berkesan serta pemerengganan sesuai.</li><li><b>Wacana</b> lengkap dan terdapat kesinambungan idea yang jelas antara perenggan.</li></ul>

PERINGKAT	MARKAH	KRITERIA
Pencapaian minimum	01 – 20 (11 – 20) (01 – 10)	<ul style="list-style-type: none"><li>• <b>Idea</b> bercampur aduk dan huraian tidak jelas / tidak berkembang dan contoh tidak sesuai.</li><li>• Keseluruhannya menunjukkan penggunaan <b>kata</b> dan <b>ayat</b> yang <b>tidak gramatis</b>.</li><li>• Terdapat kesalahan <b>ejaan</b> dan <b>tanda baca</b> yang <b>ketara</b>.</li><li>• <b>Gaya bahasa</b> dari segi keindahan bahasa dan penggunaan ungkapan lemah dan tidak menarik.</li><li>• <b>Pengolahan</b> tidak menarik.</li><li>• <b>Wacana</b> tidak lengkap dan binaan perenggan tidak seimbang dan tidak sesuai.</li><li>• Keseluruhan karangan <b>sukar / tidak difahami</b>.</li></ul>

**GARIS PANDUAN PEMERIKSAAN BAHASA MELAYU 1 – 1103/1  
PEPERIKSAAN PERCUBAAN SIJIL PELAJARAN MALAYSIA TAHUN 2015**

**Bahagian A (30 markah)**

Gambar di bawah menunjukkan sebahagian daripada langkah memupuk semangat kejiranan dalam kalangan rakyat Malaysia.

Huraikan pendapat anda tentang **langkah-langkah memupuk semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat**. Panjangnya huraian hendaklah **antara 200 hingga 250 patah perkataan**.

Kehendak soalan

- Calon perlu menghuraikan langkah-langkah untuk memupuk semangat kejiranan dalam kalangan masyarakat.
- Calon mesti menjawab berdasarkan maklumat yang diberikan.
  - Rumah terbuka
  - Gotong-royong
  - Ziarah-menziarahi

Kemungkinan :

1. Sekiranya calon mengambil satu idea sahaja yang diberi dan ditambah dengan isi yang lain diterima. Periksa seperti biasa.
2. Calon menghuraikan satu idea. Diterima. Periksa seperti biasa.
3. Sekiranya jumlah perkataan kurang 200 patah perkataan, tidak boleh Cemerlang kerana huraian dianggap tidak berkembang.
4. Calon menulis idea lain selain terdapat dalam bahan rangsangan tetapi masih menyentuh tugasannya – Kepujian, 25m.

### **Bahagian B (100 markah)**

#### **Soalan 1**

Usaha membangunkan negara amat bergantung pada remaja yang bersahsiah terpuji.

Jelaskan peranan yang perlu dimainkan untuk melahirkan remaja yang bersahsiah mulia.

*Kehendak soalan*

Calon perlu menjelaskan peranan yang perlu dimainkan oleh pelbagai pihak untuk melahirkan remaja bersahsiah mulia untuk menjayakan usaha membangunkan negara.

Cadangan jawapan :

- Ibu bapa – memberikan didikan agama kepada anak-anak.
- Ibu bapa – bertindak sebagai suri teladan kepada anak-anak
- Masyarakat – prihatin dan menegur kepincangan yang berlaku
- Media massa – menyiaran rancangan yang kaya dengan nilai murni
- Kerajaan – mengadakan Kempen ‘Budi Bahasa Budaya Kita’
- Sekolah - mengadakan program / ceramah berkaitan peningkatan sahsiah.

Kemungkinan :

1. Jika calon tidak kaitkan sahsiah mulia dengan usaha membangunkan negara tidak layak diberi Cemerlang.
2. Jika calon membincangkan peranannya sendiri, maksimum peringkat Baik, 65 markah.

#### **Soalan 2**

‘Bangsa Membaca Bangsa Berjaya’

Huraikan kepentingan amalan membaca.

*Kehendak soalan*

Calon perlu menghuraikan kepentingan amalan membaca.

Cadangan jawapan:

- Menambahkan ilmu pengetahuan
- Mengisi masa lapang dengan aktiviti berfaedah
- Melahirkan masyarakat yang berpelajaran / berpendidikan
- Menaikkan imej negara

### **Soalan 3**

Sumber air bersih di negara kita semakin berkurang. Sehubungan dengan itu, anda ingin menulis sebuah rencana yang bertajuk 'Menjaga Sumber Air Tanggungjawab Bersama.'

Tulis rencana itu selengkapnya.

*Kehendak soalan*

Calon perlu menulis rencana tentang cara-cara menjaga sumber air.

Cadangan jawapan :

- Individu – tidak membuang sampah ke dalam sungai / tasik.
- Ibu bapa – mendidik anak-anak supaya menghargai sumber air / menggunakan air secara berhemah.
- Kerajaan – mengawal kegiatan pembalakan haram dan pembangunan yang tidak terancang.
- Kerajaan – melancarkan kempen 'Cintai Sungai Kita'
- Kerajaan – menguatkuasakan undang-undang berkaitan pencemaran sungai / sumber air
- Media massa – media cetak menyalurkan maklumat tentang kepentingan sumber air.

Kemungkinan :

1. Karangan berformat rencana :

Tolak markah jika tiada:

Tajuk – 1 markah

Pengarang – 1 markah

2. Jika calon tidak menulis format rencana – maksimum peringkat Kepujian – 79 markah.

3. Jika calon tidak menyatakan contoh sumber air seperti tasik, sungai, air bawah tanah dan sebagainya – maksimum Kepujian, 79 markah

### **Soalan 4**

Kesedaran kerajaan tentang kepentingan tenaga kerja berkemahiran menyebabkan lebih banyak institusi kemahiran dibuka di negara kita.

Bincangkan kepentingan tenaga mahir ini kepada pembangunan negara.

*Kehendak soalan*

Calon perlu membincangkan kepentingan tenaga mahir kepada pembangunan negara.

Cadangan jawapan :

- Mengelakkan kebergantungan kepada buruh asing
- Menyediakan tenaga kerja yang mencukupi untuk menjayakan Malaysia maju
- Mengelakkan aliran wang ke luar negara
- Menjadi pusat latihan kemahiran di rantau ini

### **Soalan 5**

Malaysia oh tanah airku  
Tanah tempat tumpah darahku  
Negeri elok amat kucinta  
Yang kupuja sepanjang masa.

Lirik lagu ‘Malaysia Tanah Airku’ di atas menggambarkan kecintaan kita kepada negara Malaysia.

Nyatakan usaha-usaha yang boleh dilakukan untuk menunjukkan rasa cinta akan negara.

#### *Kehendak soalan*

Calon perlu menyatakan usaha-usaha untuk menunjukkan rasa cinta akan negara.

Cadangan jawapan :

- Melibatkan diri dalam pelbagai program yang dianjurkan oleh pihak kerajaan.
- Menghayati dan mengamalkan prinsip Rukun Negara.
- Menggunakan barang-barang buatan / keluaran tempatan.
- Melibatkan diri dengan sambutan hari kemerdekaan

**Markah penuh : 110 markah**

**Soalan 1**

Markah penuh 30 dibahagi kepada:

- (a) Isi - **20** markah  
(b) Bahasa - **10** markah

**(a) Isi [20 markah]**

Nota :

- (i) Panduan mengira perkataan.

Perkataan yang dikira sebagai satu perkataan.

- nama khas
- perkataan berulang
- penggunaan kata sendi di dan ke
- tarikh
- angka yang ditulis dengan nombor atau perkataan
- gelaran

- (ii) Kira dan **tandakan** jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja sebelum diperiksa.

- (iii) Periksa jawapan calon setakat **120 patah perkataan** sahaja. Yang selebihnya **tidak perlu diperiksa**.

- (iv) Berikan markah bagi setiap isi yang tepat dan lengkap sahaja.

Bahagian	Markah									Markah
(i) Pendahuluan										<b>2</b>
(ii) Isi Tersurat	4	5	6	7	8	9	10	11	12	<b>16</b>
(iii) Isi Tersirat	12	11	10	9	8	7	6	5	4	
(iv) Penutup/Kesimpulan										<b>2</b>
	Jumlah Markah									<b>20</b>

**Pendahuluan: (2 markah)**

Petikan membincangkan (1) kelebihan (2) menguasai pelbagai bahasa (3) kepada rakyat (4) di negara kita (5).

**Isi Tersurat: (4 – 12 markah)**

- S1 memberi kelebihan dalam komunikasi
- S2 memberi nilai tambah kepada pelajar untuk bersaing dalam pasaran kerja
- S3 meninggikan kualiti sumber tenaga manusia
- S4 membantu dalam bidang perdagangan
- S5 membolehkan mereka memperoleh, mengembang, dan memindahkan pengetahuan dan teknologi
- S6 membolehkan mereka mengikuti dan mengambil bahagian dalam perbahasan yang melibatkan PBB
- S7 para diplomat Malaysia akan lebih dihormati
- S8 membolehkan seseorang menceburkan diri dalam bidang penterjemahan
- S9 membolehkan kita memberi sumbangan bermakna sebagai jurubahasa dalam bidang kehakiman dan pelancongan

**Isi Tersirat (4 – 12 markah)**

- T1 Pengajaran dan pembelajaran bahasa asing diperluas ke sekolah-sekolah biasa
- T2 Penghantaran lebih ramai pelajar Malaysia ke luar negara khusus untuk mempelajari bahasa asing
- T3 Pemberian insentif dari segi elaun kepada penjawat awam yang menguasai pelbagai bahasa
- T4 Universiti tempatan menawarkan lebih banyak tempat kepada pelajar mengikuti kursus bahasa asing
- T5 Usaha penterjemahan mesti dipergiat dan diperluas untuk menggalakkan rakyat mempelajari bahasa asing
- T6 Galakan daripada ibu bapa kepada anak-anak
- T7 Mewajibkan kakitangan kerajaan dalam bidang tertentu mengikuti kursus bahasa asing
- T8 Kursus bahasa asing dijadikan kursus wajib bagi semua fakulti  
*(Isi-isi tersirat yang lain boleh diterima sekiranya sesuai)*

**Kesimpulan (2 markah)**

Kesimpulannya (1), setiap rakyat mestilah (2) menguasai bahasa asing (3) agar (4) mereka lebih berdaya saing pada peringkat antarabangsa. (5)

(b) **Bahasa** [10 markah]

Asas pemberian markah bahasa tertakluk kepada markah isi seperti yang dinyatakan dalam jadual berikut:

Peringkat	Markah Isi	Markah Bahasa	Huraian
Baik	18 – 20	9 – 10	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kesinambungan isi baik</li><li>• Struktur ayat / tatabahasa baik</li><li>• Kosa kata luas</li><li>• Tanda bacaan / ejaan betul</li></ul>
	15 – 17	7 – 9	
Sederhana	12 – 14	6 – 7	<ul style="list-style-type: none"><li>• Kesinambungan isi masih baik</li><li>• Struktur ayat / tatabahasa masih memuaskan</li><li>• Kosa kata masih memuaskan</li><li>• Tanda bacaan / ejaan juga memuaskan</li></ul>
	8 – 11	4 – 6	
Lemah	1 – 7	1 – 4	<ul style="list-style-type: none"><li>• Pada keseluruhannya dalam serba kekurangan / tidak memuaskan</li></ul>

Nota

- (i) Jika bahasanya baik, **tambah 1 markah** lagi.
- (ii) Jika bahasanya kurang memuaskan, **tolak 1 markah**.
- (iii) Jika **disalin bulat-bulat** perkataan demi perkataan, ayat demi ayat, walaupun jumlah perkataan **kurang daripada 120** patah perkataan, berikan **0 markah**.
- (iv) Jika rumusan **kurang daripada 120** patah perkataan, **markah tidak dipotong**.

[Markah bahasa maksimum : 10 markah]

**Soalan 2**

Markah penuh **35** markah dibahagikan kepada:

- Soalan 2(a) : **9** markah
- Soalan 2(b) : **9** markah
- Soalan 2(c) : **8** markah
- Soalan 2(d) : **9** markah

**Perhatian bagi Soalan 2(a) hingga Soalan 2(d)**

1. Jawapan hendaklah menggunakan **ayat sendiri**.
2. Jawapan hendaklah dalam **ayat yang lengkap / sempurna**.
3. Jika **disalin bulat-bulat** daripada teks dan jawapan itu **betul, berikan separuh (50%)** daripada markah yang diperuntukkan sahaja.

**Panduan Pemarkahan Soalan Pemahaman**

1. Soalan 2 markah

DESKRIPSI	MARKAH
• Jawapan tepat mengikut konteks / isi cukup dan ayat gramatis	2
• Jawapan kurang tepat / isi tidak cukup	1
• Jawapan tidak tepat / salah	0

2. Soalan 3 markah

DESKRIPSI	MARKAH
• Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	3
• Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	2
• Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat gramatis	1
• Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	0

3. Soalan 4 markah

DESKRIPSI	MARKAH
• Isi cukup dan lengkap / relevan dengan tugas dan ayat gramatis	4
• Isi cukup dan lengkap / relevan tetapi ayat kurang gramatis	3
• Isi tidak cukup / kurang lengkap tetapi ayat masih gramatis	2
• Isi tidak cukup / kurang lengkap dan ayat kurang gramatis	1
• Isi tidak betul / tidak relevan dengan tugas, ayat gramatis	0

**Soalan 2 (a) : Petikan Umum**

**(i) Maksud**

- Kecekapan / kepandaian mengadakan perhubungan secara bersemuka / melalui perantara / berlisan / bercakap / berhubungan 2
- Kemahiran berlisan 1
- Kecekapan / kepandaian berkomunikasi 1

**(ii) Bukti (2 isi cukup)**

- P1 Banyak kejayaan yang dicapai oleh warganegara kita yang menguasai Bahasa asing
- P2 Terdapat ramai individu profesional kita yang melanjutkan pelajaran Ke luar negara dan pulang dengan ijazah dalam bidang kepakaran Masing-masing
- P3 Pelajar PMR 2012 yang mendapat 9A mampu menguasai sembilan Bahasa
- P4 Kejayaan bekas personaliti TV3 yang menguasai dengan baik bahasa Inggeris, Perancis dan Sepanyol

**[Maksimum : 3 markah ]**

**(iii) Faktor-faktor (1 + 1) Isi + huriaian**

- P1 Kurang kesedaran tentang kepentingan bahasa asing (1) **kerana** kurang Pendedahan (1)
- P2 Tempat mempelajari bahasa asing terhad (1) **kerana** pengajaran belum dilaksanakan secara menyeluruh (1)
- P3 Salah tanggapan (1) **kerana** menguasai bahasa asing dianggap memperlekeh bahasa kebangsaan (1)
- P4 Mereka berasa tiada gunanya menguasai bahasa asing (1) **kerana** tidak mendapat serbarang ganjaran (1)

**[Maksimum : 4 markah ]**

**[ Jawapan lain yang sesuai boleh diterima ]**

**Soalan 2 (b) : Petikan Cerpen**

**(i) Perkara**

- |    |                                       |   |
|----|---------------------------------------|---|
| P1 | Ceper langsung tidak berbusa lagi     | 1 |
| P2 | tebing-tebingnya tidak ditendang lagi | 1 |
| P3 | lubuk-lubuknya tidak dikorek lagi     | 1 |

[Maksimum : 2 markah ]

**(ii) Langkah-langkah (2 isi cukup)**

- P1 Penguatkuasaan undang-undang terhadap sesiapa yang mencemarkan sungai  
P2 Kempen Cintai Sungai Kita dipergiat ke seluruh pelosok negara  
P3 Pelajar didedahkan dengan kepentingan menjaga kebersihan sungai di sekolah

[ Jawapan lain yang sesuai boleh diterima ]

[Maksimum : 3 markah ]

**(iii) Nilai dalam petikan (1 + 1) Isi + contoh**

- P1 Prihatin / mengambil berat (1)

Contoh : **Ibu** duduk di sisi ibu sambil berbisik ke telinganya tidak putus-putus agar ibu tidak lupa akan Allah (1)

**Nilai dalam keseluruhan cerpen (1 + 1) Isi + contoh**

- P1 Rajin (1)

Contoh : **Ibu** rajin mengusahakan sawah seorang diri tanpa bantuan suami (1)

- P2 Gigih (1)

Contoh : **Ibu** gigih berusaha menyara keluarga walaupun terpaksa menggunakan tulang empat kerat (1)

- P3 Sabar (1)

Contoh : **Ibu** bersabar berdepan kerenah suaminya yang kurang memberi perhatian kepada kebijakan keluarga (1)

[Maksimum : 4 markah ]

**Soalan 2 (c) : Petikan Prosa Tradisional**

**(i) Maksud *geliung***

- P1 kapal yang besar
- P2 kapal layar yang besar
- P3 perahu panjang
- P4 kapal panjang

[ Maksimum : 2 markah ]

**(ii) Tindakan (Isi cukup – 2)**

- P1 segera mencabut kerisnya
- P2 menikam seekor ayam lagi
- P3 dengan keris berdarah itu dia pergi mengadap Tuanku Nakhoda Tua
- P4 mengatakan dia adalah yang telah menyelamatkan *geliung* itu daripada dirampas oleh lanun.

[Maksimum : 3 markah ]

**(iii) Langkah (Isi cukup – 2)**

- P1 menyiasat terlebih dahulu untuk menentukan kesahihan sesuatu berita
- P2 mengadakan perbincangan
- P3 berfikir secara matang
- P4 melantik orang tengah sebagai perantaraan

[ Jawapan lain yang sesuai boleh diterima ]

[Maksimum : 3 markah ]

**Soalan 2 (d) : Gurindam**

- (i) Apakah seruan penulis dalam rangkap kedua gurindam di atas? [2 markah]

**Skema:**

- (i) **Seruan**

Berusaha dengan gigih dan tekun untuk mencapai kejayaan

- (ii) Pada pendapat anda, mengapakah nilai-nilai murni patut diamalkan dalam kalangan masyarakat di negara kita? [3 markah]

**Skema:**

- (ii) **Sebab (isi cukup - 2)**

P1 untuk mencapai perpaduan kaum

P2 imej negara akan dipandang tinggi oleh masyarakat dunia

P3 kadar jenayah akan berkurangan

P4 bagi memenuhi tuntutan agama

P5 untuk melahirkan masyarakat yang berbudi bahasa

[ Jawapan lain yang sesuai boleh diterima ]

[Maksimum : 3 markah ]

- (iii) Huraikan **dua** persoalan yang terdapat dalam gurindam di atas?

[4 markah]

**Skema:**

- (iii) **Persoalan (1 + 1) Isi + huraian**

P1 kepentingan menghargai masa (1) **kerana** masa amat berharga dalam kehidupan (1)

P2 kepimpinan melalui teladan (1) **kerana** pemimpin yang bertanggungjawab akan dijadikan ikutan (1)

P3 tenang tenang sewaktu membuat keputusan (1) **kerana** keputusan tepat dan terbaik akan kita peroleh jika mempunyai fikiran yang tenang (1)

[Maksimum : 4 markah ]

### Soalan 3

Markah penuh **30** markah dibahagikan kepada:

Soalan 3(a) : **6** markah

Soalan 3(b) : **6** markah

Soalan 3(c) : **6** markah

Soalan 3(d) : **6** markah

Soalan 3(e) : **6** markah

#### Perhatian bagi soalan 3(a)

1. Berikan 1 markah bagi setiap ayat yang betul.
2. Tolak 1/2 markah bagi kesalahan ejaan / jalan bahasa / tanda baca daripada keseluruhan soalan.
3. Perkataan berkenaan digunakan sebagai peribahasa, berikan 0 markah.
4. Perkataan digunakan sebagai nama khas, berikan 0 markah.
5. Sengaja menambahkan imbuhan, berikan 0 markah.
6. Ayat yang dibina seperti satu ayat tetapi sebenarnya lebih, tolak 1/2 markah bagi setiap ayat.
7. Jika semua perkataan digunakan dalam satu ayat, berikan pertimbangan sebagai satu ayat.
8. Boleh menggunakan struktur cakap ajuk dengan mematuhi tanda bacanya.
9. Isi tidak jelas, tolak 1/2 markah.

#### Jawapan 3(a)

- (i) kompelin
  - mengadukan / menyatakan rasa tidak puas hati terhadap sesuatu aduan kerana tidak puas hati.
- (ii) komitmen
  - sikap / pendirian / perbuatan memberikan sepenuh tenaga dan perhatian.
  - perjanjian / persetujuan / kata putus untuk melakukan sesuatu yang menjadikan sesuatu pihak itu terikat untuk melaksanakannya.
- (iii) komposer
  - penggubah / pencipta lagu / muzik.
- (iv) kompromi
  - persetujuan / penyelesaian yang berdasarkan tolak ansur.
- (v) konflik
  - perselisihan / pertentangan antara dua atau beberapa pihak.
- (vi) konfrontasi
  - persemukaan antara dua orang / pihak / negeri yang bertentangan.
  - pertentangan / permusuhan secara langsung yang menyebabkan orang atau pihak yang terlibat menghadapi kemungkinan berlakunya perang / pergaduhan.

[6 markah]

**Jawapan 3(b)**

- (i) Ayat tanya
- (ii) Ayat pernyata
- (iii) Ayat perintah
- (iv) Ayat perintah
- (v) Ayat seruan
- (vi) Ayat perintah

**[6 markah]**

**Jawapan 3(c)**

**Kesalahan ejaan**

- |                |   |           |
|----------------|---|-----------|
| (i) jatidiri   | - | jati diri |
| (ii) iniseatif | - | inisiatif |
| (iii) talifon  | - | telefon   |

**Kesalahan imbuhan**

- |                    |   |                              |
|--------------------|---|------------------------------|
| (i) meneruskan     | - | menerusi                     |
| (ii) penghidupan   | - | hidup / <del>rehidupan</del> |
| (iii) pengunaannya | - | penggunaannya                |

**[6 markah]**

**Jawapan 3(d)**

- |                                      |   |                                       |
|--------------------------------------|---|---------------------------------------|
| (i) gulungan<br>di dalam             | - | golongan<br>dalam                     |
| (ii) bersaing<br>kerajaan laksanakan | - | berdaya<br>dilaksanakan oleh kerajaan |
| (iii) pada<br>menternaknya           | - | kepada<br>memelihara                  |

**[6 markah]**

**Jawapan 3(e) Peribahasa**

- (i) ukur baju di badan sendiri
- (ii) seperti / bagai aur dengan tebing
- (iii) air dicincang @ dicencang tak akan putus / Carik-carik bulu ayam akhirnya bercantum juar.

**[6 markah]**

**Soalan 4**

Markah penuh 15 markah

**Panduan pemarkahan bagi soalan 4**

**Soalan (a)**

- i) Jawapan berdasarkan sebuah novel yang dipelajari.
- ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
- iii) Beri 1 markah bagi perwatakan yang betul
- iv) Beri 1markah bagi huraian / contoh yang lengkap / jelas
- v) Markah isi maksimum 4 markah
- vi) Markah bahasa maksimum 3 markah
- vii) Markah bahasa diberi secara *impression*
  - Baik : 3 markah
  - Sederhana : 2 markah
  - Lemah : 1 markah
- viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa
- ix) Calon tidak menjawab 0 markah

**[Maksimum : 7 markah]**

**Soalan (b)**

- i) Jawapan berdasarkan dua buah novel yang dipelajari.
- ii) Jawapan hendaklah dalam ayat-ayat yang lengkap
- iii) Beri 1 markah bagi tema
- iv) Beri 2 markah bagi setiap huraian yang lengkap / jelas bagi setiap novel
- v) Markah isi, maksimum 6 markah (maksimum 2 markah bagi setiap huraian)
- vi) Markah bahasa, maksimum 2 markah
- vii) Markah bahasa diberi secara *impression*
  - Baik : 2 markah
  - Lemah : 1 markah
- viii) Jika calon menjawab dan markah isi 0, beri 1 markah untuk bahasa
- ix) Calon tidak menjawab 0 markah

**[Maksimum : 8 markah]**

**Soalan 4(a) – Novel**

Novel Renyah

**Datin Tominah**

**Watak**

Isteri pertama Datuk Dolhi. Berumur lima puluh tahun. Ibu kepada lima orang anak iaitu Hasnol, Amera, Ilham, Mukhlis dan Dani.

**Perwatakan**

1. Seorang isteri yang setia. Buktinya, beliau sanggup bersama suaminya ketika senang dan susah. Beliau masih setia walaupun mengetahui dirinya ditipu oleh suaminya yang berkahwin secara senyap-senyap selama dua puluh lapan tahun dulu.
2. Seorang ibu yang penyayang. Buktinya, beliau amat menyayangi suami dan anak-anaknya. Beliau begitu sensitif dan menangis apabila mendengar permasalahan anak-anak. Beliau mendesak supaya Datuk Dolhi mencari Mukhlis yang dikatakan hidup dalam keadaan tidak menentu.
3. Suka membuang masa. Buktinya, beliau sering berbual dengan rakan-rakannya di kelab atau melalui telefon.
4. Minat bermiaga. Buktinya, beliau bercita-cita untuk membuka sebuah butik busana Islam bersama rakan-rakannya.
5. Penggerak utama kelab datin-datin. Buktinya, beliau disuruh untuk membuat draf perlombagaan kelab datin-datin.
6. Kuat cemburu. Buktinya, beliau sering berbincang dengan kawan-kawannya tentang cara-cara mengawal suami.
7. Mementingkan kecantikan. Buktinya, beliau sentiasa menjaga penampilan diri dan bergaya dengan menghadiri kelas kecantikan, berurut kesegaran, dan nyaris-nyaris melakukan pembedahan plastik di Jepun.

**Hasnol**

**Watak**

Anak sulung Datuk Dolhi dengan isterinya Datin Tominah. Sudah berumahtangga dengan isterinya Linda (anak bekas diplomatik) dan dikurniakan 2 orang cahaya mata iaitu Boy dan Joy. Dia kelulusan pendidikan tinggi. Dia menjawat jawatan sebagai pegawai tadbir dan diplomatik.

**Perwatakan**

1. Seorang yang taasub dengan jawatannya. Buktinya, dia tidak sanggup melepaskan jawatannya setelah didesak oleh bapanya supaya menguruskan syarikat Dolhi-Albert Holding.
2. Seorang yang boros dan menerima rasuah. Buktinya, dia terlalu mewah sehingga sanggup mengetepikan prinsipnya dan menerima rasuah yang diberikan oleh Tengku Munir.
3. Tidak mempunyai ketegasan dan hipokrit. Buktinya, dia mengamalkan gaya hidup mewah dan sering terikut-ikutkan gaya hidup isterinya.

4. Mempunyai sikap angkuh. Buktinya, dia dilihat sompong ketika membayar segala hutangnya kepada kedua-dua ibu bapanya.
5. Seorang anak yang tidak sopan dengan ibu bapa. Buktinya, dia menghempaskan gagang telefon apabila hasratnya untuk meminjam wang dengan ibunya tidak kesampaian.
6. Tidak berani menghadapi cabaran. Buktinya, dia tidak mahu meneruskan usaha ayahnya dalam bidang perniagaan kerana tidak sanggup menghadapi risiko.

### **Amera**

#### **Watak**

Anak kedua Datuk Dolhi dan Datin Tominah. Amera ialah guru di salah sebuah sekolah terbaik di ibu kota. Seorang guru yang komited terhadap tugas sehingga dianugerahkan sebagai pendidik terbaik seluruh negeri. Amera seorang wanita yang cantik. Isteri kepada Timbalan Menteri Tugas-tugas Khas.

#### **Perwatakan**

1. Sayang akan keluarga. Buktinya, dia menyayangi kedua-dua ibu bapanya dan amat prihatin dengan masalah yang dihadapi oleh kedua-dua orang tuanya.
2. Sayang akan profesi keguruan. Buktinya, kegigihannya menyebabkan dia mendapat anugerah 'Tokoh Pendidik Cemerlang Negeri'
3. Tidak berminat dengan perniagaan. Buktinya, dia menolak pelawaan ayahnya untuk menerajui syarikat.

### **Ilham**

#### **Watak**

Anak ketiga Datuk Dolhi dan Datin Tominah. Seorang aktivis alam sekitar. Menjadi pelarian setelah diburu oleh pihak berkuasa. Selepas tamat belajar, dia menjadi seorang penulis dan penyair.

#### **Perwatakan**

1. Pencinta dan pejuang alam sekitar. Buktinya, dia mengadakan tunjuk perasaan bersama Pertubuhan Alam Sekitar Sedunia dan menghasut orang Penan menghalang pembalakan di Sarawak.
2. Mengancam keselamatan negara. Buktinya, dia berkomplot bersama orang asing dalam usaha memboikot Malaysia.
3. Mempunyai perangai buruk. Buktinya, dia secara senyap-senyap memasuki bilik pembantu rumahnya iaitu Inem sebanyak tiga kali menyebabkan Inem meminta berhenti kerja.

### **Mukhlis**

#### **Watak**

Anak keempat Datuk Dolhi dan Datin Tominah. Tidak menamatkan pelajarannya di universiti. Cenderung kepada bidang dakwah. Selalu berjubah dan berserban. Mempunyai janggut. Mengahwini Hanisah, janda tuk gurunya dan mempunyai dua orang anak tiri. Terpaksa menceraikan isterinya kerana isterinya kembali kepada tuk guru. Terpaksa bekerja di kilang mi dengan gaji RM 5.00 sehari.

#### **Perwatakan**

1. Mudah terikut-ikut dalam beragama. Buktinya, dia mahu mengikut sunah Nabi yang berkahwin dengan janda, dia sanggup mengahwini janda tuk gurunya tanpa usul periksa.
2. Tidak tahan kepada tekanan. Buktinya, dia telah menjadi sasau atau menjadi tidak siuman apabila cuba menyerang tuk gurunya. Datuk Dolhi bercadang untuk menghantarnya ke pusat rawatan mental.

### **Dani**

#### **Watak**

Anak bongsu Datuk Dolhi dan Datin Tominah. Dia berminat dalam dunia seni. Dia juga merupakan penyanyi dalam satu kumpulan muzik rock. Dia berambut panjang, selekeh dan tidak terurus.

#### **Perwatakan**

1. Terlibat dengan penyalahgunaan dadah. Buktinya, sebelum membuat persembahan, dia berusaha untuk mendapatkan dadah. Malangnya dia telah diberkas oleh polis.
2. Tidak suka mencampuri urusan orang lain. Buktinya, dia hanya memikirkan dirinya sahaja dan tidak mahu mengambil tahu hal-hal kehidupan orang lain walaupun keluarganya.

### **Wahi**

#### **Watak**

Anak hasil perkahwinan kedua Datuk Dolhi dengan Mastura. Dia dijaga oleh neneknya tetapi pelajarannya dibiayai oleh Datuk Dolhi. Bekerja di Dolhi-Albert Holding dan merupakan orang kepercayaan Datuk Dolhi.

#### **Perwatakan**

1. Kaya dengan idea. Buktinya, dia mencadangkan agar Dolhi-Albert Holding melaksanakan Kawalan Mutu Menyeluruh sebagaimana yang dilaksanakan di Jepun.
2. Seorang yang bijak dan cekap bekerja. Buktinya, Datuk Dolhi mengakui bahawa Wahi seorang yang bijak dan cekap serta akan menguasai syarikat suatu hari kelak.

### **Albert Lee**

#### **Watak**

Rakan niaga Datuk Dolhi dalam kerjasama Dolhi-Albert Holding. Berhasrat untuk memperteguhkan empayar perniagaan dengan merancang untuk mengahwinkan anaknya dengan anak Datuk Dolhi. Akhirnya menarik diri dalam usahasama tersebut.

#### **Perwatakan**

1. Seorang bapa yang mesra. Buktinya, dia sentiasa bersama keluarga dan selalu berbincang hal-hal keluarga bersama anak-anaknya.
2. Berfikiran terbuka. Buktinya, dia sanggup mengorbankan identiti diri dan agama dalam menentukan kejayaan dalam perniagaan dan bercadang untuk mengahwinkan anaknya dengan anak Datuk Dolhi walaupun berlainan agama dan bangsa.

### **Novel Sutera dalam Lukisan**

#### **Adila**

1. Lulusan universiti luar negara iaitu di England.
2. Mempunyai sifat optimis dan percaya sikap abnormal Bujei dapat dipulihkan.
3. Berpendirian tegas – bertegas menolak keinginan Faisal untuk kembali kepadanya.
4. Lemah lembut dan menghormati orang lain – sewaktu tinggal di kampung, Adila sering mendapat pujian penduduk kampung.
5. Menjadi mangsa fitnah Alias – Alias telah memfitnah Adila telah ‘rosak’ sewaktu belajar di luar negara.

#### **Alias**

1. Suka membuli Bujei / Hafiz – Contohnya dia meminta Bujei mencuci motosikalnya dengan menjanjikan upah tetapi tidak membayarnya.
2. Suka akan Adila dan menghantar pinangan tapi ditolak oleh Adila.
3. Bercakap kasar – sering bercakap kasar terutamanya dengan Bujei.
4. Cuba memfitnah Adila setelah pinangannya ditolak oleh Adila.
5. Akhirnya menjadi sasau / gila.

#### **Sidang Saman**

1. Mengambil berat akan anak buahnya – Dia sering bertanyakan khabar Bujei dan akan meminta anaknya mencari Bujei sekiranya tidak melihat kelibatnya di kampung.
2. Bijak memerangkap orang yang bersalah melalui kata-kata – dia menggagalkan hasrat Harun untuk menjual tanah pusaka arwah isterinya.
3. Menjadi tempat rujukan permasalahan Adila terutama sewaktu Adila mula jatuh cinta akan Bujei.

**Harun**

1. Seorang duda
2. Berkahwin dengan Fatimah, ibu Bujei setelah kematian bapa Bujei
3. Bekerja sebagai mandur di ladang kepala sawit
4. Seorang yang panas baran dan sering memukul serta mendera isterinya Fatimah.

**Soalan 4(b)**

**Renyah**

**Konflik kekeluargaan tokoh perniagaan Melayu dalam mendidik anak-anak.**

Datuk Dolhi mencari pengganti dalam kalangan anak-anaknya untuk menguruskan perniagaan keluarga. Namun usahanya gagal apabila tidak ada seorang pun anak-anaknya yang berminat untuk mewarisi perniagaannya. Anaknya Hasnol ditangkap kerana rasuah, Dani pemuzik yang terlibat dengan dadah dan dihantar ke pusat serenti, Ilham lari ke luar negara kerana terlibat dalam demonstrasi menentang pembalakan di Sarawak. Manakala Amera pula terlalu mencintai profesionnya sebagai guru. Akhirnya, anaknya dengan isteri kedua iaitu Wahi yang menggantikannya dalam perniagaan.

**Sutera dalam Lukisan**

**Konflik jiwa seorang pemuda dalam mengharungi kehidupan.**

Setelah kematian kedua-dua ibu bapa dan neneknya, Bujei dipandang negatif oleh orang kampung akibat fitnah yang ditabur oleh bapa tirinya. Keadaan itu telah membentuk keperibadiannya menjadi manusia abnormal. Kehadiran Adila telah membawa sinar baharu dalam hidup pemuda tersebut dan kembali menjadi manusia normal seperti sedia kala.